

04 APR 2003

Samy-MIC

PEMIMPIN MIC PERLU RAPATKAN DIRI DGN MASYARAKAT

BUTTERWORTH, 4 April (Bernama) -- Para pemimpin MIC mesti merapatkan diri dengan masyarakat setempat dan mengambil tahu masalah kaum itu serta cuba mengatasinya sebaik mungkin, kata Presiden MIC Datuk Seri S. Samy Vellu hari ini.

Katanya langkah berkenaan juga dapat merapatkan lagi barisan kepimpinan serta sentiasa bersedia sedia dalam menghadapi cabaran yang lebih besar seperti pilihan raya umum yang akan datang.

Mereka juga perlu membuat persiapan agar jentera pilihan raya parti itu bersedia untuk melakukan gerak gempur sebaik saja tarikh pilihan raya diumumkan, katanya semasa berucap merasmikan Konvensyen MIC Negeri yang dihadiri 500 orang di sini.

Samy Vellu, yang juga Menteri Kerja Raya berkata kempen mendaftar pengundi bagi kaum itu perlu diperhebatkan untuk memastikan golongan berkenaan turut sama berpeluang mengundi semasa pilihan raya umum kelak.

Katanya MIC telah menjalankan pelbagai program jangka pendek dan panjang, antaranya pembinaan semula sekolah-sekolah Tamil yang akan memberikan persekitaran yang kondusif kepada pelajarannya.

Usaha itu juga diharap dapat memberi perangsang dari segi psikologi kepada pelajar dalam mencapai keputusan akademik yang cemerlang, katanya.

Di Pulau Pinang, sebanyak dua buah sekolah Tamil dibina semula di bawah peruntukan kerajaan persekutuan tahun lepas iaitu Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) Jalan Prai, Butterworth dan SJKT Mak Mandin, Seberang Perai dengan kos pembinaan sebanyak RM2.5 juta.

Katanya parti itu juga telah memohon kepada Perdana Menteri Datuk Seri Mahathir Mohamad untuk membina semula dua buah sekolah iaitu SJK (T) Subramanya Barathi di Gelugor dan SRJK (T) Permatang Tinggi, Seberang Perai.

Beliau berkata di bawah Pelan Tindakan 10 (2003-2010) MIC, hampir 20 buah sekolah Tamil akan dibina semula setiap tahun dalam tempoh itu.

Katanya universiti berprestij MIC iaitu Institut Perubatan Sains dan Teknologi Asean (AIMST) yang sedang dibina di Semeling, Kedah dijangka siap pada tahun 2004.

Sehingga kini, hampir RM170 juta berjaya dikutip dengan RM1.12 juta daripadanya datangnya daripada MIC Pulau Pinang.

-- BERNAMA

NER HS ROS